

BUDAYA PERAHU DI KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI TELUPID, SABAH

ANDY METER

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA DALAM
PROGRAM SEJARAH**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL**

2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017101



183363

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Budaya peraruh di Kalawang Mesyuarat Dusun
Dalam Telupid, Sabah.

IJAZAH: SERTAMA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA Anny MPEK SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Nama Penyelia

Tarikh: 12/06/09Tarikh: 12/06/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



14000017101

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan segala gambar yang setiap satu daripadanya telah saya nyatakan sumbernya.

Yang benar,

Andy

.....
(ANDY METER)
HA2006-6302
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Sesi 2006/2009

PENGESAHAN PENYELIA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan ilmiah ini telah ditulis oleh Andy Meter (HA2006-6302) yang bertajuk Pembudayaan Perahu Di Kalangan Masyarakat Dusun Di Telupid, Sabah telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Sejarah, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan Penyelia,

.....
(Prof. Madya Dr. Ismail Ali)
Pensyarah Sejarah
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Tarikh:

PENGHARGAAN

Salam Sejahtera,

Dengan penuh kesyukuran diberikan kepada Tuhan kerana dengan limpah berkatnya, latihan ilmiah yang bertajuk Budaya Perahu Di Kalangan Masyarakat Dusun Di Telupid telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Pertama sekali setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Ismail Ali selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan serta teguran yang membina dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Penghargaan ini juga ingin ditujukan kepada semua pensyarah program Sejarah, Sekolah Sains Sosial yang juga tidak ketinggalan dalam penghasilan latihan ilmiah serta memberikan ilmu pengetahuan sepanjang pengajian di Universiti Malaysia Sabah.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Perpustakaan Sekolah Sains Sosial dan Pejabat Daerah Kecil Telupid yang banyak membantu dalam menyumbangkan maklumat serta rujukan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada semua responden yang turut membantu memberikan maklumat terhadap penulisan ini.

Penghargaan yang paling istimewa dikalungkan buat ayah dan ibu yang tersayang iaitu Meter Umbonggod dan Momoi Laing yang telah banyak berkorban dan memberikan sokongan dalam menyiapkan latihan ilmiah. Semoga Tuhan memberkati mereka. Tidak dilupakan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Semoga Tuhan memberkati segala budi baik semua pihak yang terlibat dalam penghasilan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

Sekian dan terima kasih.

(Andy Meter)
HA2006-6302
Sekolah Sains Sosial
Universiti Sabah Malaysia
Sesi 2006/2009

ABSTRAK

Sejarah pembudayaan perahu tradisi merupakan salah satu budaya di kalangan masyarakat Dusun di Telupid, Sabah. Budaya pembuatan perahu yang dimiliki oleh suku kaum Dusun di Sabah kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman yang telah menggunakan sungai. Bagi kaum Dusun, sungai telah menjadi jalan perhubungan yang penting kepada komuniti ini yang mendiami kawasan tepi sungai khususnya bagi masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan tepi sungai Labuk. Komuniti sungai ini telah menggunakan sungai sebagai jalan perhubungan disebabkan oleh kawasan pedalaman yang sukar dihubungkan dengan menggunakan rangkaian jalan raya. Masyarakat Dusun telah menjadikan perahu sebagai alat pengangkutan yang utama bagi mereka. Penggunaan perahu di kalangan penduduk tempatan telah banyak mempengaruhi sosioekonomi masyarakat setempat. Justeru itu, masyarakat Dusun di Telupid telah terlibat dalam menghasilkan pelbagai jenis perahu kayu yang sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh budaya pembuatan perahu daripada masyarakat lain. Akibat daripada asimilasi budaya ini telah menyebabkan kepelbagaian jenis perahu yang dihasilkan oleh masyarakat Dusun di Telupid. Namun jelas menunjukkan bahawa kegiatan pembuatan perahu di kalangan masyarakat Dusun ini telah wujud sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Ini membuktikan bahawa bukan sahaja masyarakat yang tinggal di pesisiran pantai sahaja yang terlibat dalam pembuatan perahu tetapi masyarakat Dusun juga memiliki kebudayaan ini.

ABSTRAK***The History of culturing traditional boat in Dusun community at Telupid, Sabah.***

The history of traditional culture boat was one of the kinds of culture in Dusun's society at Telupid, Sabah. This culture of boat making was involving Dusun's people that lived in hinterland that used the river mostly. For Dusun's community, river has become very important to them because of the community using the river as they path to connect to other especially for those who lived in Labuk river village. The community using river because it's hard for them to connect to the road by land. The community of Dusun's that lived in Labuk River Village using traditional boat as their transport to transfer and to brought anything back or off from the village. This traditional boat and river using had affected Dusun's community socioeconomic that brought them to another way of life. In fact of that, the tradition of boat making had affected other culture in the way of traditional boat making. In this case, it's cleared shows that the traditional boat making activities in Dusun's community had already existed since the age of their ancestor. This proved that not only the society that lived near the river involved in traditional boat making but also the society of Dusun.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Pengesahan Penyelia	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
<i>Absract</i>	<i>vii</i>
Isi Kandungan	viii
Senarai Peta	xi
Senarai Gambar	xii
Senarai Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xiv

Bab 1: Pendahuluan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Lokasi Kajian	6
1.5 Skop dan Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Sorotan Literatur	13
1.9 Pembahagian Bab	14

Bab 2: Latar Belakang Telupid

2.1 Pengenalan	16
2.2 Sejarah Asal Usul Telupid	22
2.3 Masyarakat Dusun Di Telupid	23
2.4 Sosio-ekonomi Masyarakat Dusun Di Telupid	28
2.5 Kesimpulan	47

Bab 3: Sejarah Dan Pembudayaan Perahu Tradisi Masyarakat Dusun

3.1 Pengenalan	51
3.2 Peranan Sungai Dalam Kehidupan Masyarakat Dusun	53
3.3 Pembudayaan Perahu Tradisi	61
3.4 Jenis Dan Reka Bentuk Perahu Tradisi	64
3.4.1 Sampan	65



3.4.2 Jongkong	71
3.5 Kesimpulan	74
Bab 4: Pembuatan Perahu Tradisi	
4.1 Pengenalan	75
4.2 Proses Pembuatan Perahu	76
4.3 Reka Bentuk Perahu Perahu Tradisi Masyarakat Dusun	78
4.3.1 Bentuk	79
4.3.2 Bahan	79
4.4 Kegunaan Perahu Dalam Masyarakat Dusun	84
4.4.1 Sosial	84
4.4.2 Ekonomi	87
4.5 Kesimpulan	88
Bab 5: Kesimpulan	
Bibliografi	95
Lampiran	98

SENARAI PETA

No. Peta		Halaman
Peta 1.1	Kedudukan Daerah Telupid	7
Peta 2.1	Bahagian Sandakan yang mengandungi Daerah Telupid	19



SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Halaman
Gambar 2.1	Pokok Ara	26
Gambar 2.2	Kawasan Padi Bukit	31
Gambar 2.3	Kawasan Kebun Getah	35
Gambar 2.4	Kawasan Kebun Kelapa Sawit	37
Gambar 2.5	Lot Bangunan Kedai	38
Gambar 2.6	Jalan Raya	42
Gambar 2.7	Klinik Kesihatan Telupid	46
Gambar 3.1	Aktiviti Rekreasi Sungai	55
Gambar 3.2	Sungai Labuk	60
Gambar 3.3	Perahu Tradisional Masyarakat Dusun	68
Gambar 3.4	Jongkong	72
Gambar 4.1	Vasoi	80
Gambar 4.2	Pahat	82
Gambar 4.3	Ketam Kayu	83



Senarai Rajah

No. Rajah		Halaman
Rajah 3.1	Sampan Masyarakat Dusun yang telah diubah suai	70
Rajah 3.2	Jongkong Masyarakat Dusun yang telah diubah suai	73



SENARAI SINGKATAN

BNBCC	<i>British North Borneo Chartered Company</i>
KAN	Ketua Anak Negeri
OT	Orang Tua
MAN	Mahkamah Anak Negeri
JKKK	Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Kepulauan Borneo adalah merupakan sebuah kepulauan disebabkan oleh sifat geografinya yang mempunyai pantai berteluk, kawasan yang bergunung ganang, berbukit bukau serta dataran lanar pinggir.¹ Sabah merupakan sebuah negeri di Kepulauan Borneo yang unik kerana mempunyai banjaran gunung iaitu Banjaran Crocker di bahagian barat negeri ini yang telah membentuk pergunungan di bahagian utara iaitu Gunung Kinabalu. Gunung ini merupakan gunung yang tertinggi di Malaysia dan juga Asia Tenggara iaitu setinggi 13,455 kaki. Keadaan geografi ini telah menjadikan Sabah sebuah negeri di kepulauan Borneo sebuah negeri yang unik dan telah diberi gelaran sebagai negeri “dibawah bayu”. Sabah juga adalah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia berdasarkan kepada keluasan keseluruhan negeri ini. Semasa zaman kolonial, Sabah lebih dikenali sebagai Borneo Utara² disebabkan oleh kedudukannya yang paling utara diantara wilayah yang terdapat dalam Kepulauan Borneo. Sebelum kedatangan pihak kolonial, Sabah telah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei.

Keluasan yang dimiliki oleh negeri ini telah menjadikannya sebagai sebuah negeri yang mempunyai pelbagai jenis etnik. Daripada 1.8 juta orang jumlah penduduk Sabah, terdapat

¹Md. Saffie Abdul Rahim, *Jepun di Borneo Utara: Migrasi Dan Kegiatan Ekonomi 1881-1941*, Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm 2.

²Zainal Abidin Abd. Wahid *et. al.*, *Malaysia Warisan Dan Perkembangan; Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm 216.

372,089 orang Kadazandusun.³ Anggaran jumlah penduduk Kadazandusun pada tahun 1994 bertambah menjadi 433,600 orang, yang mana ianya terbahagi dalam dua kumpulan etnik iaitu Kadazandusun dan Murut. Sebilangan besar dari mereka terdapat di Daerah Penampang, Putatan, Kawang, Papar, Kimanis, Bongawan, Beaufort, Kuala penyu, Tuaran, Tambaruli, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Labuk Sugut, Paitan, Telupid, Ranau, Tambunan, Keningau, Tenom, Sook, Pensiangan dan Ulu Kinabatangan. Melalui pecahan kawasan tempat yang didiami oleh dua kumpulan etnik ini, dilihat hampir 95% daripada jumlah masyarakat Kadazandusun telah mendiami barat negeri Sabah.⁴ Berdasarkan kepada anggaran penduduk telah menunjukkan hampir sebahagian daripada tempat di negeri Sabah mempunyai etnik Kadazandusun yang mendiami sesebuah kawasan. Keadaan ini telah menjadikan etnik Kadazandusun adalah merupakan penduduk majoriti di Sabah. Selain daripada etnik Kadazandusun, terdapat etnik lain seperti Bajau, Melayu, Suluk, Orang Sungai, Brunei, Bisaya, Tidong, Cina dan Indonesia.⁵

Kerajaan Kesultanan Brunei merupakan kerajaan yang telah menguasai beberapa wilayah di Kepulauan Borneo ini iaitu Sabah dan juga Sarawak. Namun kedatangan orang barat di kepulauan ini telah memberi kesan kepada penguasaan Kesultanan Brunei terhadap Sabah dan Sarawak. Di mana Sarawak telah dikuasai oleh keluarga Brooke manakala Sabah pula dikuasai oleh BNBCC. Namun sebelum Borneo Utara di kuasai oleh BNBCC, terdapat dua kerajaan yang menguasai setiap kawasan di Borneo Utara iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Pada asalnya Borneo Utara hanya dikuasai oleh Kesultanan Brunei sahaja tetapi atas jasa Kesultanan Brunei menumpaskan pemberontakan, Kesultanan Brunei telah menghadiahkan bahagian pantai timur Borneo Utara kepada Kesultanan Sulu. Tetapi Sultan Brunei telah memberi hak pajakan kepada Charles Lee Moses selama sepuluh tahun. Namun kemudiaannya telah menjual pajakannya kepada Syarikat Perdagangan Amerika-Borneo yang telah membawa kepada penjualan pajakan kepada ahli perniagaan Austria, Baron Von Overbeck dan Alfred Dent dari Britain. Dengan rundingan yang dibuat, Sultan Brunei dan Sulu bersetuju

³Jumlah keseluruhan penduduk Sabah adalah berdasarkan kepada banci penduduk Negeri Sabah pada tahun 1991.

⁴Ranjit Singh D. S, *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics Of Indigenous Society; Second Edition*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 2003, hlm 12.

⁵*Population Census, North Borneo* bagi tahun 1891, 1901, 1911, 1921 dan 1931.

untuk menyerahkan Sabah kepada dua ahli perniagaan ini. Selepas itu, Overbeck pula telah menjualkan haknya kepada rakan kongsinya seterusnya telah membawa kepada penubuhan BNBCC. Selepas tamatnya Perang Dunia kedua, Sabah telah diisytiharkan sebagai tanah jajahan British. Akibat daripada pertumbuhan parti politik di Sabah telah membawa kepada penyertaan Sabah ke dalam gagasan Malaysia seterusnya kemerdekaan Sabah pada 16 September 1963.⁶

Masyarakat pesisiran pantai lebih banyak dikaitkan dengan budaya pembuatan perahu atau kapal disebabkan masyarakat ini tinggal berhampiran dengan laut dan banyak terdedah dengan dunia luar. Sejarah terhadap pembudayaan perahu di kalangan masyarakat maritim ini dilihat telah bermula sejak kewujudan kerajaan awal seperti Majapahit dan Srivijaya. Di mana masyarakat maritim ini telah menggunakan perahu untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka seperti menangkap ikan serta menjalankan kegiatan perdagangan. Selain menjadi alat pengangkutan, dalam kontek peluasan kawasan jajahan oleh kerajaan awal telah membawa kepada pembinaan kapal perang yang besar. Keadaan ini menyebabkan masyarakat pesisiran pantai banyak dikaitkan dengan budaya ini. Namun pada masa yang sama, masyarakat pedalaman yang tinggal di tepi sungai dilihat mempunyai persamaan dalam sejarah pembudayaan perahu. Di mana sungai telah berperanan penting sebagai jalan perhubungan dengan kawasan lain sebelum adanya rangkaian jalan raya. Komuniti sungai ini telah menjadikan perahu sebagai alat pengangkutan mereka yang utama dan pembudayaan perahu ini telah wujud sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Selain itu turut digunakan bagi menjalankan kegiatan ekonomi tetapi komuniti sungai tidak terlibat dalam pembinaan kapal besar seperti mana yang dilakukan oleh masyarakat pesisiran pantai.

Seterusnya pengenalan tajuk "Budaya Perahu Di Kalangan Masyarakat Dusun Di Telupid" adalah merupakan kajian kes terhadap sejarah pembuatan perahu tradisional yang menyentuh aspek ekonomi masyarakat orang Dusun yang mendiami kawasan tepi Sungai Labuk dan seni pembuatan perahu tradisional. Dalam kajian ini akan melihat sistem ekonomi yang diamalkan oleh masyarakat orang Dusun yang membina petempatan mereka di tepi

⁶Zainal Abidin Abd. Wahid *et. al.*, *Malaysia Warisan Dan Perkembangan; Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm 222.

sungai Labuk atau lebih dikenali sebagai "Liwogu"⁷ oleh masyarakat orang Dusun. Seterusnya akan melihat dengan lebih dalam mengenai seni pembuatan perahu tradisional iaitu bagaimana perahu tradisional itu dibuat. Ini kerana seni pembuatan perahu tradisional ini berbeza dengan perahu yang dihasilkan di kawasan pesisiran pantai.

1.2. Permasalahan Kajian

Masyarakat Dusun di Sabah sering dikaitkan dengan budaya daratan kerana telah tinggal di kawasan pedalaman dimana bentuk muka buminya yang berbukit bukau. Keadaan ini telah menyebabkan banyak pendapat yang mengatakan masyarakat Dusun di Sabah hanya mengamalkan kebudayaan yang lebih bercorak daratan. Tidak dinafikan masyarakat Dusun sememangnya kaya dengan pelbagai kebudayaan seperti adat resam, perayaan dan tarian. Namun daripada sudut yang lain pula sebenarnya masyarakat Dusun di Sabah mempunyai satu kebudayaan yang tidak diketahui oleh ramai pengkaji mengenai budaya pembuatan perahu di kalangan masyarakat Dusun terutama di Telupid. Ini telah membuktikan bahawa masyarakat Dusun di Sabah bukan sahaja mempunyai kebudayaan di daratan tetapi juga mempunyai satu lagi kebudayaan yang berkaitan dengan sungai. Dapat dilihat bagaimana masyarakat Dusun terlibat dalam pembuatan perahu.

1.3. Objektif Kajian

Penulisan ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji sejarah asal usul budaya pembuatan perahu dalam masyarakat Dusun di Sabah. Ini kerana banyak pendapat yang sering mengaitkan sejarah pembuatan perahu ini telah bermula di kawasan pesisiran pantai. Tetapi jika dilihat sejarah pembuatan perahu ini bukan sahaja wujud di kawasan pesisiran pantai tetapi juga wujud di kalangan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman terutama kepada

⁷Perkataan "Liwogu" adalah bermaksud "dalam dan tenang" dalam bahasa Dusun. Ini kerana terdapat kawasan sungai Labuk yang dalam dan tenang.



masyarakat Dusun di Sabah. Sejarah pembuatan perahu di kalangan masyarakat Dusun di Sabah sebenarnya telah lama wujud sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Kajian ini juga bertujuan untuk menonjolkan kemahiran pembuatan perahu tradisional di kalangan masyarakat orang Dusun. Ini akan memberi kesedaran kepada penduduk mengenai seni pembuatan perahu ini merupakan satu warisan masyarakat Dusun yang perlu dijaga supaya tidak hilang begitu sahaja ditelan arus pembangunan. Melalui penyelidikan ini juga akan dapat memberi maklumat penting kepada masyarakat di mana terdapat satu kesenian pembuatan perahu oleh masyarakat Dusun di kawasan pedalaman.

Manakala kajian ini pula adalah untuk menerangkan kepada masyarakat tempatan mengenai hubungan penduduk orang Dusun dengan laluan sungai ini dalam kehidupan harian mereka. Ini kerana bermula dengan petempatan-petempatan ditepi sungai telah wujud satu unit pentadbiran yang sekarang ini di kenali sebagai Daerah Kecil Telupid. Pada satu ketika Sungai Labuk ini telah menjadi penggerak kepada aktiviti harian masyarakat tempatan terutama dalam aktiviti perikanan, sumber air dan juga laluan untuk menghantar hasil tani dan hutan untuk dijual ke "Klagan".

Selain itu, kepentingan lain yang ingin ditimbulkan dalam kajian ini ialah untuk memperlihatkan bentuk perahu yang telah digunakan oleh masyarakat Dusun di Telupid kepada masyarakat yang lain. Di dalam penyelidikan ini juga akan memperkenalkan jenis-jenis perahu yang dihasilkan oleh masyarakat Dusun di daerah ini. Antara jenis perahu yang akan diketengahkan dalam penyelidikan ini ialah perahu dan juga jongkong. Ini kerana perahu-perahu ini merupakan antara perahu yang utama dihasilkan oleh masyarakat Dusun di Telupid ini. Perahu-perahu ini yang telah menjadi identiti kepada masyarakat Dusun di daerah ini kerana telah menggambarkan kebudayaan kepada etnik Kadazandusun di Sabah. Dalam kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana hubungan perahu tradisi dengan kegiatan sosio-ekonomi masyarakat Dusun. Ini kerana perahu merupakan satu alat pengangkutan yang kerap digunakan oleh penduduk dalam menjalankan kegiatan harian mereka.

Pada akhir penyelidikan ini akan melihat kepada masa depan pembuatan perahu di kalangan masyarakat Dusun. Ini kerana terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh aktiviti

pembuatan perahu ini. Cabaran yang paling ketara dihadapi dalam pembuatan perahu ini dilihat apabila ketiadaan generasi baru untuk meneruskan kebudayaan ini. kemunculan alat pengangkutan air yang lebih baik seperti perahu plastik atau “Fiberglass” yang lebih baik berbanding dengan perahu kayu yang diperbuat daripada kayu.


1.4. Lokasi Kajian

Kajian mengenai budaya perahu tradisi di kalangan masyarakat Dusun ini telah dilakukan di Daerah Telupid, Sandakan, Sabah. Telupid terletak di pedalaman kawasan Pantai Timur negeri Sabah. Kawasan ini telah berada di bawah naungan Residensi Sandakan sejak zaman kolonial lagi. Sandakan merupakan sebuah wilayah di Sabah yang sangat luas. Wilayah Sandakan ini telah dibuka dan dimajukan oleh seorang bangsa Austria iaitu William Pryer pada 21 Jun 1879. Kawasan Sandakan ini dipercayai merupakan sebuah kawasan hutan.

Selain itu, Telupid ini berada dibawah pentadbiran Beluran dan telah mengalami perkembangan dari segi sosial dan ekonomi. Walaupun Daerah ini telah diisytiharkan sebagai Daerah Kecil namun masih lagi berada di bawah pentadbiran Beluran. Lokasi kajian ini juga turut melibatkan kawasan Sungai Labuk di mana penduduk tempatan dahulunya telah membina petempatan di kawasan tepi Sungai Labuk ini. Sebelum adanya laluan jalan raya, Sungai Labuk telah menjadi laluan perhubungan penduduk yang utama. Secara ringkasnya, keadaan geografi Telupid adalah berbukit bukau. Keadaan ini menyebabkan ketidaksesuaian dalam melakukan kegiatan ekonomi. Oleh itu masyarakat Dusun telah memilih untuk membina petempatan di kawasan tepi sungai kerana keadaan bentuk muka buminya yang rata. Sungai Labuk telah menjadi laluan utama oleh penduduk di Telupid sebelum pembinaan jalan raya. Sungai ini telah dijadikan laluan untuk melakukan aktiviti-aktiviti harian penduduk tempatan. Sungai Labuk ini juga dikatakan sangat penting kepada penduduk tempatan untuk melakukan aktiviti perdagangan yang terletak di hilir Sungai Labuk dikenali sebagai “Klagan”. Namun pada hari ini nama “Klagan” ini tidak lagi digunakan oleh masyarakat Dusun kerana nama “Klagan” telah digantikan dengan Beluran. Sungai Labuk ini juga telah menjadi jalan penghubung kepada kampung-kampung yang yang kebanyakannya terletak di tepi Sungai Labuk.



Peta 1.1: Menunjukkan kedudukan Daerah Telupid dalam peta Negeri Sabah.



Sumber : www.sabah/telupid.org.my

1.5 Skop dan Batasan kajian

Masyarakat kaum Kadazandusun merupakan bumiputera Sabah yang menjadi majoriti kepada kependudukan setiap kawasan di Sabah. Keadaan ini sama apabila masyarakat Dusun telah mendominasi kawasan di Telupid. Ini kerana masyarakat Dusun merupakan masyarakat yang paling besar jumlahnya yang mendiami kawasan ini. Dalam kajian ini akan melihat bagaimana masyarakat Dusun di Telupid dikaitkan dengan pembuatan perahu. Sebelum ini kajian mengenai pembuatan perahu ini sering dikaitkan dengan masyarakat yang tinggal di kawasan pesisiran pantai. Dengan adanya kajian ini maka akan dapat membuktikan bahawa masyarakat Dusun di Sabah juga mempunyai kebudayaan dalam pembuatan perahu. Skop penyelidikan ini akan melihat kepada perahu tradisional yang telah digunakan oleh masyarakat Dusun yang banyak mempengaruhi kehidupan mereka sejak daripada zaman nenek moyang mereka lagi. Manakala batasan bagi penyelidikan ini pula akan merangkumi penggunaan perahu di kalangan masyarakat Dusun dari dahulu sehingga sekarang. Batasan penyelidikan ini ialah hanya tertumpu kepada masyarakat Dusun di Telupid yang telah menggunakan perahu sejak dahulu lagi sehingga pada masa kini. Keadaan ini disebabkan oleh ruang lingkup untuk penyelidikan mengenai perahu tradisi di daerah ini hanya untuk melihat bagaimana masyarakat Dusun di Sabah mempunyai satu kebudayaan yang belum pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik berdasarkan kepada kajian kes di Telupid.

1.6. Kepentingan Kajian

Dalam kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana kegiatan pembuatan perahu tradisional yang diamalkan sejak dahulu lagi memberi impak kepada kehidupan harian penduduk setempat terutama penduduk yang mendiami kawasan pinggir Sungai Labuk. Selain itu, kajian ini adalah untuk menerangkan kepada penduduk tempatan khususnya penduduk Telupid mengenai proses-proses yang terlibat dalam pembuatan perahu. Ini penting kerana kegiatan pembuatan perahu tradisional di kalangan penduduk semakin berkurang kerana ditelan oleh arus kemajuan yang semakin maju dengan penggunaan peralatan pengangkutan sungai yang lebih maju

seperti penggunaan enjin-enjin bot yang berkuasa tinggi. Namun perkara penting yang perlu dilihat mengapa kajian ini penting kepada masyarakat adalah kerana kajian mengenai pembudayaan perahu tradisi di kalangan masyarakat Dusun ini adalah kerana disebabkan kebanyakan pengkaji tidak memberikan perhatian terhadap kebudayaan ini.

Melalui kajian ini akan memberi kesedaran kepada penduduk daerah ini bahawa betapa penting untuk menjaga kebudayaan tempatan seperti pembuatan perahu tradisional yang semakin hilang di telan zaman. Ini boleh dilihat melalui bilangan perahu-perahu tradisional yang semakin berkurangan. Perkara ini adalah disebabkan oleh kekurangan pakar membuat perahu kerana terdapat pembuat perahu yang semakin uzur. Faktor usia ini telah menyebabkan mereka tidak lagi mampu untuk menghasilkan perahu. Ini ditambah pula tidak ada generasi yang meneruskan kegiatan membuat perahu. Secara tidak langsung kajian ini akan dapat mengetengahkan sejarah pembuatan perahu tradisional sebagai sebuah sejarah tempatan harus diberi perhatian oleh pelbagai lapisan penduduk pada masa kini dan juga pada masa akan datang.

Selain itu juga, kajian pembuatan perahu ini akan melihat bagaimana masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah terlibat dalam aktiviti pembuatan perahu selain daripada masyarakat yang tinggal di pesisiran laut. Ini kerana penglibatan masyarakat Dusun dalam pembuatan perahu di Sabah bukannya perkara yang baru bagi sebahagian besar masyarakat dusun. Ini kerana tradisi pembuatan perahu ini sebenarnya telah wujud sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Namun penghasilan perahu di kalangan masyarakat Dusun tidak setanding dengan masyarakat yang tinggal di pesisiran laut yang kaya dengan seni seperti ukiran pada perahu dan juga saiz perahu yang dihasilkan. Penglibatan masyarakat Dusun dalam pembuatan perahu jelas membuktikan bahawa bukan sahaja masyarakat di pesisiran laut boleh menghasilkan perahu tetapi masyarakat di pedalaman seperti masyarakat Dusun juga turut mempunyai pengetahuan dalam pembuatan perahu.

Kajian mengenai pembuatan perahu tradisional dalam masyarakat Dusun di Daerah Telupid ini adalah sangat penting kerana melalui kajian ini akan dapat menjelaskan dan memberi pengetahuan kepada penduduk setempat mengenai seni pembuatan perahu tradisional yang dijalankan oleh masyarakat orang Dusun. Sehubungan itu seni pembuatan

perahu tradisi ini merupakan satu kesenian yang unik bagi masyarakat Dusun di daerah ini. Ini kerana seni pembuatan perahu sering dikaitkan terhadap masyarakat yang hanya tinggal di kawasan pesisiran pantai sahaja. Namun jika dilihat di kawasan pedalaman negeri Sabah, kemahiran membuat perahu ini juga turut dimiliki oleh masyarakat Dusun misalnya di Telupid. Ini kerana seni pembuatan perahu oleh masyarakat Dusun ini mempunyai nilai-nilai yang tersendiri.

Kajian ini bertujuan melihat bagaimana budaya pembuatan perahu-perahu tradisi di kalangan orang Dusun telah berkembang sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Kajian ini akan memperlihatkan bagaimana perahu tradisi ini dihasilkan dengan hanya menggunakan bahan dan alat-alat tradisional sehingga wujud perahu yang dipengaruhi oleh corak pembuatan perahu air masin yang digunakan oleh nelayan-nelayan di laut. Kewujudan perahu seperti ini telah membawa sedikit sebanyak perubahan terhadap penggunaan bahan dan alat tradisional dalam pembuatan perahu tradisional. Ini kerana terdapat alat-alat moden yang telah digunakan dalam menghasilkan perahu tradisional ini. Keadaan ini telah mempelbagaikan jenis perahu di kawasan daerah ini.

Selain itu, kajian ini bukan sahaja akan melihat kepada pembuatan perahu-perahu tradisi tetapi juga turut akan menyentuh sedikit-sebanyak mengenai kegiatan ekonomi serta sosial masyarakat Dusun di Telupid. Kajian ini akan menggabungkan mengenai kegiatan aktiviti pembuatan perahu sosioekonomi masyarakat Dusun di Telupid yang bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai pembudayaan perahu tradisi di Telupid oleh masyarakat Dusun. Ini kerana kajian terdahulu mengenai perahu adalah lebih kepada kajian perahu-perahu di kawasan air masin. Manakala kajian bagi perahu-perahu di kawasan air tawar adalah sangat kurang. Jika kajian mengenai pembudayaan dan pembuatan perahu di kawasan air tawar dilakukan ini akan menyebabkan ilmu mengenai pembuatan perahu ini tidak akan terbatas hanya kepada satu ilmu sahaja.

Oleh itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan sejarah pembuatan perahu tradisional bagi kawasan air tawar iaitu sungai selain daripada pembuatan perahu di kawasan air masin iaitu laut. Ini kerana penulisan terhadap sejarah pembuatan perahu tradisional dalam masyarakat Dusun yang masih lagi kurang di kalangan penulis-penulis tempatan. Keterbatasan

BIBLIOGRAFI

Fail Arkib

Colony of North Borneo Fisheries Department, Report For The Years 1947-1950. Arkib Negeri Sabah.

Laporan Kerajaan

Jabatan Perangkaan Sabah. Population Census, North Borneo bagi tahun 1891, 1901, 1911, 1921 dan 1931.

Buku

Abdul Halim Bandan. 2006. *Cerita Tradisi Sabah Pelbagai Kaum.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr. Junaidi Payne (ed). 1997. *The Kinabatangan Floodplain: An Introduction.* WWF Malaysia.

Julayhi Tani. 1991. *Sosioekonomi Komuniti Kadayan: Satu Kajian Kes.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Saffie Abdul Rahim. 2007. *Jepun di Borneo Utara: Migrasi Dan Kegiatan Ekonomi 1881-1941.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Ranjit Singh D. S. 2003. *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics Of Indigenous Society; Second Edition.* Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

Sabihan Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941.* Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Abidin Abd. Wahid et. al. 1996. *Malaysia Warisan Dan Perkembangan; Edisi Kedua.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1989. *Waterfalls of Malaysia.* Selangor: Design Dimension Sdn. Bhd.

1989. *River of Malaysia.* Selangor: Design Dimension Sdn. Bhd.



1997. *Glosari Budaya Malaysia: Seni Ukir*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Internet

Sejarah Ringkas Pentadbiran Beluran <<http://www.beluran>> dilayari pada 9 Januari 2009.

Temubual

- Encik Alexander Taraan. 54 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. "Cara membuat sampan". 21 November 2008.
- Encik Antok b. Pangundar. 75 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. " Sejarah pembuatan perahu tradisional dan cara membuat sampan". 29 Disember 2008.
- Encik Azwen Lami. 36 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. "Cara membuat jongkong". 30 Januari 2009.
- Encik Gonggoi b. Soalan. 67 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Lipasu. "Pembuatan perahu di kalangan masyarakat Dusun". 29 Januari 2009.
- Encik Jusman Ebik. 45 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. " Cara membuat sampan dan jongkong". 27 Januari 2009.
- Encik Laloki Kuah. 34 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. "Pembuatan perahu tradisional dan peralatan membuat perahu". 24 November 2008.
- Encik Luke Laing. 33 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. " Jenis kayu dalam membuat sampan". 10 Disember 2008.
- Encik Meter Umbonggod. 42 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. "Perkembangan ekonomi masyarakat Dusun di Daerah Telupid". 02 Disember 2008.
- Encik Rubin b. Minggo. 68 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Lipasu. "Cara membuat perahu dan peralatan untuk membuat perahu tradisional". 29 Januari 2009.

Encik Ruslim Saingki. 49 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Lipasu. "Asal usul nama Telupid dan masyarakat Dusun serta pendidikan awal". 10 Desember 2008.

Puan Momoi bt. Laing. 41 tahun. Penduduk tempatan Daerah Telupid. Temubual dirumah kediamannya di Kampung Wonod. "Adat dalam masyarakat Dusun terhadap penggunaan perahu". 02 Disember 2008.